



**RABU 5 JULAI 2023 16 ZULHIJAH 1444H**

**ADAB LEBIH UTAMA DARIPADA ILMU**

**MESYUARAT SENAT BIL. 9/2022/2023**

## Selawat Kamilah / Tafrijiyyah

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدُ وَتَنْفَرِحُ بِهِ الْكُرْبُ  
وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ  
وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي  
كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

# PENDAHULUAN

- Terdapat banyak kejadian pada hari ini seseorang yang memiliki ilmu, namun tidak beradab.
- Rasulullah SAW bersabda :  
من ازداد علما ولم يزد هدي لم يزد من الله الا بعدا
- Maksudnya: ***“Siapa yang bertambah ilmunya sedangkan hidayahnya (amalannya) tidak bertambah, maka ia hanya bertambah jauh dari rahmat Allah”***

- Ini mungkin disebabkan mereka beranggapan adab tidak penting berbanding dengan ilmu.
- Persepsi ini mestilah dibetulkan, kerana terdapat banyak hadis dan pandangan para ulamak yang menjelaskan keutamaan adab mengatasi ilmu.
- Rasulullah bersabda: “***Sesungguhnya seorang hamba yang paling tinggi derajatnya dan yang paling mulia adalah kerana akhlaknya yang baik***”. (HR. Thabrani).

***“Aku Lebih Menghargai Orang Yang Beradab Dari pada Orang Yang Berilmu. Kalau Hanya Berilmu, Iblis pun Lebih Tinggi Ilmunya Daripada Manusia”***  
(Asy Syaikh Abdul Qadir Al-Jailani)

- Jika engkau bertanya tentang ilmu hadis kepada iblis, maka iblis sangat pandai menjelaskannya, kerana iblis memahami *asbabul wurud* dari semua hadis.
- Jika engkau bertanya kepada iblis tentang kisah para nabi, maka iblis akan dapat memberikan jawapan dengan tepat dan menceritakan semuanya dengan sangat terperinci, kerana iblis sudah ada sebelum diciptakan Nabi Adam AS.

- Tetapi apa yang menyebabkan Iblis jatuh dalam kebinasaan adalah kerana Iblis tidak memiliki adab.
- Iblis tidak beradab dalam mengamalkan ilmunya.
- Iblis memiliki segala ilmu yang ada di dunia ini. Namun iblis bukan kekasih Allah, kerana dalam diri iblis terdapat kesombongan merasakan dirinya lebih dari segalanya.

***“Orang yang berilmu tentulah cerdas, namun jika dia tidak melengkapkan dirinya dengan adab, maka tak ada jaminan kecerdikan yang dimilikinya mampu membawa dirinya kepada kebenaran”.***

(Abdullah bin Mubarak)

*\*berilmu sahaja tidak mencukupi tanpa mempunyai adab perilaku yang mulia.*



# KEPENTINGAN ADAB

- Adab memiliki makna kesopanan dan kebaikan budi pekerti.
- Adab merupakan pengetahuan yang dapat menjaga diri dari segala sifat-sifat yang tercela.
- Adab juga dapat melatih diri untuk selalu menghiasi perkataan dan tindakan dengan budi pekerti dan akhlak mulia.

# KEPENTINGAN ADAB

- Sedangkan ilmu bermaksud seluruh usaha untuk menyelidiki, menemukan, dan meningkatkan kefahaman manusia dari berbagai segi realiti alam dan manusia.
- Ilmu dibatasi oleh pelbagai perkara yang akan menghadkan kefahaman terhadap ruang lingkup pandangan manusia. Oleh itu, tiada noktah dalam mempelajari ilmu.
- Terdapat banyak ciri orang yang beradab antaranya:

# Ciri Pertama: Merendah diri

- Kesombongan adalah perilaku Iblis.
- Iblis bukan makhluk yang bodoh. Ia memiliki ilmu yang tinggi.
- Iblis mampu untuk menerangkan semua jenis ilmu, termasuklah Al-Quran dan hadis dengan sangat jelas.
- Namun disebabkan kesombongannya iblis ingkar perintah Allah SWT walaupun dia tahu akibat buruk daripada tindakannya.

# Ciri kedua: Memperbaiki diri

- Untuk menjadi seorang yang beradab, mestilah merasakan dirinya tidak sempurna dan sentiasa mahu memperbaiki diri.
- Seseorang akan menjadi orang yang beradab, apabila ia mampu menempatkan dirinya pada sifat kehambaan yang hakiki.
- Seorang hamba akan menyedari kekurangannya dan mahu memperbaiki diri, walau setinggi mana ilmunya.

## Ciri Ketiga: Dapat membentuk peribadi

- Tidak sedikit orang berilmu tinggi namun perilakunya tidak mencerminkan sebagai orang berilmu.
- Ini kerana ilmu yang dimilikinya hanya membuahkan kepandaian untuk berdebat atau berkarya, tetapi tidak menyentuh hatinya untuk merubah dirinya ke arah kebaikan.
- Orang yang beradab pula adalah orang yang menggunakan ilmu untuk mengubah dirinya.

- Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: ***“Sesiapa yang menuntut ilmu untuk berdebat dengan orang-orang bodoh, atau merasa sombong terhadap para ulamak atau mencari perhatian manusia kepadanya, pasti Allah SWT akan memasukkannya ke dalam neraka”***.

(Riwayat Tirmidzi)

- Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: ***“Belajarlah ilmu dan tuntutlah ilmu bersama dengan ketenangan dan kewibawaan, dan bertawaduklah kepada sesiapa yang kamu belajar daripadanya”***.

(Riwayat Al-Tabarani)

- Al-Rabi bin Sulaiman murid kepada Imam Syafie berkata: “***Demi Allah, saya tidak berani minum jika Imam Syafie melihat (perbuatan saya sedang minum itu)***”.
- Imam Abu Hanifah berkata: “***Tidak pernah daku melunjurkan kakiku menghadap rumah guruku Hammad kerana menghormatinya.. Tidak pernah daku meninggalkan doa untuk guruku bersama doa untuk kedua orangtuaku..***”.

(Muhadir Haji Jol, Khilafiah, ms 118 – 119)

- Abu Yusuf, murid kepada Imam Abu Hanifah berkata: ***“Sesungguhnya aku berdoa untuk Abu Hanifah sebelum aku berdoa untuk kedua orang tuaku”***.
- Imam Ahmad bin Hanbal berkata: ***“Tidak pernah aku tidur di waktu malam sejak 30 tahun melainkan aku berdoa untuk Imam Syafie dan aku memohon keampunan untuknya”***.
- Abdullah bin Ahmad bin Hanbal (anak Imam Ahmad) berkata: ***“Aku bertanya kepada ayahku; Siapakah Imam Syafie itu, selalu aku mendengar ayah berdoa untuknya? Jawab Imam Ahmad; “Wahai anakku, Imam Syafie itu ibarat matahari untuk dunia dan seperti kesihatan untuk manusia. Apakah ada pengganti untuk kedua-duanya?”***. (Muhadir Haji Jol, Khilafiah, ms 119).



# Kesimpulan

1. Beradab itu lebih utama daripada berilmu.
2. Para ulamak yang tersohor sentiasa mengamalkan adab dan amat menghormati guru mereka.
3. Perbuatan mencela, memaki hamun, memalingkan wajah ketika bercakap adalah antara perbuatan orang yang tidak beradab.
4. Adab melambangkan keimanan seseorang.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ  
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ .

*“Maha Suci Engkau, ya Allah, aku memuji kepada-Mu. Aku bersaksi, bahawa tiada Tuhan selain Engkau, aku minta ampun dan bertaubat kepada-Mu”*